

SOALAN NO. 16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PUAN HAJAH FUZIAH
BINTI SALLEH [KUANTAN]**

TARIKH : 7 MAC 2017

SOALAN :

YB Puan Hajah Fuziah Binti Salleh [Kuantan] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) boleh mempertimbangkan untuk menggunakan sistem pemilihan (electoral system) yang lain untuk menggantikan sistem First-Past-The-Post (FPTP) yang sedia ada, seperti Alternative Voting (AV) yang diamalkan di Australia atau system.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem *First Past The Post* adalah relevan dan sesuai untuk dilaksanakan di Malaysia memandangkan Malaysia merupakan negara yang terdiri daripada penduduk yang berbilang kaum. Sejak merdeka, tidak ada parti politik yang tidak mewakili mana-mana kaum. Sistem yang diamalkan di Malaysia juga membolehkan antara lain kaum minoriti, orang asli, golongan profesional dan ahli perniagaan diwakili di Dewan Negara. Antara negara lain yang mengamalkan sistem *First Past The Post* ialah United Kingdom, India dan Kanada.

Sistem sedia ada mudah difahami, lebih fokus yang mana pengundi dan wakil rakyat mempunyai hubungan yang rapat. Melalui sistem *First Past The Post*, rakyat boleh mengetahui parti politik yang menang dan siapa yang mewakili mereka di peringkat Negeri dan Persekutuan. Selain itu, mereka boleh menggunakan khidmat wakil rakyat mereka walaupun bukan daripada parti politik yang memerintah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) belum bercadang untuk melaksanakan sistem menggantikan sistem *First Past The Post* memandangkan sistem ini masih lagi relevan dan sesuai untuk diteruskan di negara ini selaras dengan peruntukan perundangan pilihan raya dan Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.